



# Garis Panduan Bagi Kesediaan Operasi

## Penganjuran Sukan

## Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

7 September 2020

## **GARIS PANDUAN BAGI PENGANJURAN SUKAN**

**Garispanduan bagi Penganjuran Sukan (*Organised sports*) bermula dilaksanakan pada hari Isnin, 19 Muharram 1442 bersamaan 7 September 2020 dimana ianya adalah dibenarkan bagi sukan rekreasi sahaja, khususnya:**

- a) Berjalan kaki dan Berlari
- b) Berbasikal dan
- c) Senam fizikal seperti *tai chi* dan senamrobik.

**Berikut adalah garis panduan utama bagi Penganjuran Sukan. Perincian lanjut digariskan dalam Lampiran A.**

- **Penganjuran Sukan Rekreasi ini hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada pihak-pihak yang berkenaan** seperti Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pasukan Polis DiRaja Brunei, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan yang berkenaan;
- Permohonan untuk kebenaran penganjuran sukan rekreasi hendaklah disertakan bersama **pelan tindakan serta langkah-langkah pengawalan** selaras dengan garispanduan Covid 19;
- **Jumlah penyertaan** yang dibenarkan adalah sama **seperti jumlah yang dibenarkan bagi mass gathering**;
- Jika aktiviti diadakan dalam **fasiliti tertutup (indoor)**, jumlah keramaian hendaklah **mengikut had kapasiti ruang**;
- **Sebarang penganjuran pertandingan ataupun kejohanan selain sukan rekreasi masih tidak dibenarkan**;
- Acara dibenarkan hanya bagi **tempoh dua (2) jam sahaja**;
- **Meninggalkan acara atau fasiliti sukan dalaman dengan segera setelah selesai**;
- Menjaga **kebersihan diri**;
- Individu yang mengalami **simptom dan berisiko tinggi tidak dibenarkan masuk**;
- **Memastikan garis panduan penjarakan sosial**, termasuk garis panduan tertentu dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Penganjuran Sukan Rekreasi hendaklah mematuhi peraturan kerajaan. Langkah-langkah berikut hendaklah dilaksanakan.

**1. TANGGUNGJAWAB PIHAK PENGANJUR SUKAN REKREASI DIBAHAGIKAN KEPADA DUA ASPEK: GARIS PANDUAN UMUM AND PERATURAN PENGANJURAN DALAM FASILITI SUKAN DALAM DEWAN**

A. Garis Panduan Umum.

1. **Penganjuran Sukan Rekreasi** hanya dibenarkan bagi sukan rekreasi sahaja, khususnya:
  - a) Berjalan kaki dan Berlari
  - b) Berbasikal dan
  - c) Senam fizikal seperti *tai chi* dan senamrobik.
2. Jumlah penyertaan yang dibenarkan adalah **sama seperti jumlah yang dibenarkan bagi mass gathering**
3. **Penganjuran Sukan Rekreasi ini hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada pihak-pihak yang berkenaan** seperti Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pasukan Polis DiRaja Brunei, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan yang berkenaan dengan **menyertakan pelan tindakan serta langkah-langkah pengawalan** selaras dengan garispanduan Covid 19.
4. Acara dibenarkan hanya bagi **tempoh dua (2) jam sahaja**
5. Peserta hendaklah membawa tuala dan botol air sendiri.
6. Pemeriksaan suhu badan hendaklah dilakukan dan sanitasi tangan disediakan di pintu masuk dan tempat-tempat yang bersesuaian.
7. Individu yang mengalami simptom dan berisiko tinggi tidak dibenarkan ikut serta.
8. Menjaga kebersihan diri sepanjang masa.
9. Penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter hendaklah dilakukan sepanjang masa.

10. Mengelakkan sebarang kontak fizikal.
11. **Meninggalkan acara atau fasiliti sukan dalaman dengan segera setelah selesai**
12. Papan tanda dan poster langkah-langkah pencegahan COVID-19 hendaklah dipaparkan.
13. Untuk maklumat lanjut mengenai COVID-19, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148.

B. Peraturan Pengajuran dalam Fasiliti Sukan Dalam Dewan.

1. Membuat **pendaftaran dan rekod yang sewajarnya di pintu masuk** bagi tujuan pengesanan kontak, jika diperlukan. (Setiap fasiliti perlu mendaftar melalui aplikasi *healthinfo* di laman sesawang [www.healthinfo.gov.bn/register](http://www.healthinfo.gov.bn/register) untuk penjanaan QR code bagi pendaftaran pengguna).
2. Pengajuran yang diadakan dalam fasiliti sukan tertutup (*indoor*), **jumlah keramaian hendaklah mengikut had kapasiti ruang**.
3. Acara dibenarkan hanya bagi **tempoh dua (2) jam sahaja**
4. **Penggunaan tandas** adalah dibenarkan dan perlu **disanitasi setiap masa**.
5. Pihak Fasiliti Sukan Dalam Dewan hendaklah menyediakan **prosedur bagi memastikan keperluan penjarakan sosial dipatuhi**.
6. Semua petugas Fasiliti Sukan Dalam Dewan hendaklah memakai *face mask* dan sarung tangan.
7. Semua peralatan hendaklah *disinfect* sebelum, selepas dan di antara tempahan berikutnya.
8. Pengguna digalakkan untuk membawa *disinfectant* sendiri sebagai perlindungan.
9. Memastikan Fasiliti Sukan Dalam Dewan mempunyai aliran udara yang baik.

**2. TANGGUNGJAWAB PESERTA**

a. Pendaftaran

1. Peserta hendaklah **mengimbas QR code Fasiliti Sukan Dalam Dewan** sebaik sahaja ketika tiba dan selesai bagi tujuan pengesanan kontak jika diperlukan.

b. Senaman

1. Peserta hendaklah memastikan mereka menjaga jarak semasa bersenam.
2. Jika perlu, memakai sarung tangan bagi mengurangkan sentuhan dengan permukaan.
3. Memakai pakaian senaman yang bersesuaian untuk melindungi kulit awda.
4. Menggunakan peralatan persendirian.
5. Membawa *disinfectant* sendiri untuk perlindungan.
6. Jika menggunakan mat senaman, bentangkan tuala di atas mat awda.
7. Jangan menyentuh muka, mata, dan mulut tanpa membersihkan tangan.
8. **Meninggalkan fasiliti sukan dalaman dengan segera setelah selesai acara.**